**LEMBAGA PELABUHAN KELANG**
**(PORT KLANG AUTHORITY)**
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211
Web:http://www.pka.gov.my
Email:onestopagency@pka.gov.my

MS ISO 9001 : 2015 REG.NO: AR3579

(JABATAN ZON BEBAS & DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: LPK:JZB/600-2/5 Jld.7 (3)
Tarikh : 4 Mei 2020

Presiden
Shipping Association Malaysia
d/a. Round-The-World Logistics Corp. (M) Sdn. Bhd.
Unit 9-1, Level 9, Tower 8
UOA Business Park,
No. 1, Jalan Pengaturcara U1/51A,
Seksyen U1
40150 Shah Alam

Presiden
Malaysia Shipowners Association
Blok A2, No. A2-3-3, Ayer@8,
Fasa 8C1, Jalan P8G, Presint 8
62250 Putrajaya

Presiden
Central Regional Shipping Association
d/a. SJS Management Services
No. 29-1, Jalan Kasuarina 2/KS6
Bandar Botanic
41200 Klang

Tuan,

**PROSEDUR BAGI AKTIVITI TRANSLOADING DI PELABUHAN KLANG**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, mesyuarat Jawatankuasa Ketirisan Hasil yang dianggotai oleh pihak Kastam, Lembaga Pelabuhan Kelang, Northport, Westports dan PKFZ telah bersidang pada 4 Mac 2020. Mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Haji Ismail Rahman, Pengarah (Operasi Perkastaman / Perkhidmatan Teknik), Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Tengah.

3. Pada mesyuarat tersebut, pihak Kastam mencadangkan penambahbaikan ke atas proses transloading yang dilaksanakan kini. Prosedur transloading yang telah dikemaskini telah dirangka untuk tujuan tersebut bersama-sama pihak Operator Terminal. Bersama- sama ini dilampirkan prosedur terbabit.

4. Sehubungan itu, kerjasama pihak tuan diminta untuk memanjangkan kepada ahli-ahli persatuan masing-masing berkenaan prosedur ini yang akan berkuatkuasa mulai 15 Jun 2020.

5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkenaan perkara ini, sila hubungi;

| | |
|---|---|
| Telefon | : 03-3168 8211 samb. 1016 |
| Telefon bimbit | : 012-2775713 / 012-4440461 |
| Emel | : fzinquiry@pka.gov.my |

Sekian, terima kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(CAPT. K. SUBRAMANIAM)**
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

Salinan kepada;

Pengarah
Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Tengah
Wisma Kastam Selangor
No.1, Jalan Perigi Nenas 7/1
KS II, Taman Perindustrian Pulau Indah
42097 Pelabuhan Klang
**u.p: Tuan Haji Ismail Rahman**

Ketua Pegawai Eksekutif
Northport (M) Berhad
Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Utara
42000 Pelabuhan Klang
**u.p: Encik Zakwan Deraman**

Ketua Pegawai Eksekutif
Westports (M) Sdn. Bhd.
P.O. Box 266, Pulau Indah
42009 Pelabuhan Klang
**u.p : Encik Muhammad Azizul Zahidin**

Ketua Pegawai Eksekutif
Port Klang Free Zone Sdn. Bhd.
P.O. Box 261, Jalan Pelabuhan
42009 Pelabuhan Klang
**u.p: Encik Tan Chin Kiat**

# LEMBAGA PELABUHAN KELANG
# PROSES KERJA AKTIVITI TRANSLOADING

| BIL. | PROSES KERJA | TANGGUNGJAWAB | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Lengkapkan borang Permohonan Aktiviti Transloading dan sertakan B/L. | Operator kontena / Ejen Perkapalan / Pemohon | • Tarikh permohonan dibuat sebelum aktiviti dijalankan.<br>• Pengesahan bagi dagangan yang melibatkan OGA sahaja.<br>OGA yang terlibat adalah seperti berikut;<br>i. Malaysian Quarantine And Inspection Services (MAQIS)<br>ii. Malaysian Timber Industry Board (MTIB)<br>iii. Bahagian Perkhidmatan Farmasi<br>iv. Jabatan Dagangan Berbahaya, LPK |
| 2 | Semak dan pastikan teratur. | LPK | • Borang dilengkapkan seperti butiran di B/L. |
| 3 | Semak dan luluskan permohonan. | LPK | • Tandatangan dan cop nama pegawai yang meluluskan serta tarikh kelulusan. |
| 4 | Pindaan pada manifest transhipment. | Ejen Perkapalan | • Nombor kontena telah berubah dari butiran asal seperti di B/L.<br>• Pindaan manifest dibuat sebelum kontena baharu dimuatkan ke kapal. |

| BIL. | PROSES KERJA | TANGGUNGJAWAB | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 5 | Operasi pemindahan dagangan dari kontena asal ke kontena baharu dijalankan. | Operator kontena / Ejen perkapalan Operator Terminal | • Aktiviti disaksikan oleh pihak operator terminal dan operator kontena / ejen perkapalan / wakil.<br><br>• Pihak yang hadir wajib memakai PPE. |
| 6 | Non Manipulation Certificate (NMC) disediakan. | Operator Terminal | • Ditandatangani oleh pegawai terminal yang menyaksikan aktiviti tersebut.<br><br>• NMC bertujuan sebagai pengesahan bahawa tiada barang yang terkurang atau tiada barang baharu / ditambah / dimuatkan ke kontena baharu dari kontena asal.<br><br>• NMC dikemukakan oleh pihak terminal ke pihak ejen perkapalan yang hadir di lapangan secara bersemuka selepas aktiviti selesai. |
| 7 | Ikrar ZB1 (pindah kapal). | Ejen Perkapalan | • Lampirkan borang transloading yang telah diluluskan dan NMC yang yang telah ditandatangani di portal eDCFZ.<br><br>• Pengikraran dibuat sebelum ETD kapal. |
| 8 | ZB1 (pindah kapal) yang diluluskan. | LPK | • Kemukakan kelulusan ZB1 (pindah kapal) kepada Unit Manifest, JKDM Zon Tengah beserta dokumen sokongan yang berkaitan.<br><br>• Maklumat dikemukakan secara emel selepas pengikraran ZB1 (pindah kapal) diluluskan. |

Nota:

i. Aktiviti transloading disebabkan oleh faktor-faktor berikut;
   a. Kontena rosak / koyak / bocor.
   b. Bungkusan di dalam kontena rosak / koyak / bocor.
   c. Barangan di dalam kontena rosak / koyak / bocor.
   d. Perkhidmatan operator kontena tamat di Pelabuhan Klang.

ii. Aktiviti transloading terpakai bagi kontena FCL berstatus transhipment sahaja.

iii. Permohonan transloading menggunakan borang transloading yang boleh dimuat turun dari laman sesawang LPK (www.pka.gov.my).

iv. Aktiviti dibenarkan setelah kelulusan berdasarkan borang transloading yang telah ditandatangani oleh pihak Jabatan Zon Bebas, Lembaga Pelabuhan Kelang diperolehi.

v. NMC dikeluarkan oleh operator terminal yang berkaitan.

vi. Caj-caj yang dikenakan bagi aktiviti transloading oleh pihak operator terminal seperti berikut;

| Perkara | Northport & Westports |
|---|---|
| a. Pergerakan kontena FCL daripada yad ke tempat aktiviti dan sebaliknya. | Seperti yang dilaksanakan kini. |
| b. Pergerakan kontena kosong daripada On-Dock Depot ke tempat aktiviti dan sebaliknya. | Seperti yang dilaksanakan kini. |
| c. Pengawasan daripada Polis Pelabuhan. | RM20.00 / jam |
| d. Non Manipulation Certificate | RM100.00 / kontena |

vii. Wakil operator terminal dan ejen perkapalan / operator kontena diwajibkan hadir untuk menyaksikan aktivti transloading dijalankan.